

MSNM sokong B. Harian (M) kenyataan Najib

18 OCT 1988

MAJLIS Silat Negeri Melaka (MSNM) akan menyinkirkan mana-mana pesilat negeri itu yang menggunakan kaedah seni taekwondo dan karate di setiap kejohanan silat olahraga. *PENYUKUT SILAT*

Yang Dipertua MSNM, Senator Datuk Nasir Haji Manaf, berkata langkah itu bertujuan memelihara seni silat Melayu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas amaran Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang membidas pesilat yang bergurukan taekwondo untuk menyertai silat olahraga.

Senator Datuk Nasir, berkata kenyataan Datuk Seri Najib itu sungguh tepat dan patut diterima oleh semua pesilat negara ini.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan menggunakan seni pertahanan diri selain daripada seni silat Melayu untuk menyertai silat olahraga.

"Pihak kami yakin, seni silat Melayu memang unik dan mempunyai ke-



■ DATUK SERI NAJIB

lebih dalam banyak segi," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap pesilat-pesilat di negeri itu terus berusaha meningkatkan lagi mutu silat Melayu untuk diperkembangkan di peringkat antarabangsa.